

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

All information as at 28 February 2026 unless otherwise stated


Semua maklumat adalah seperti pada 28 Februari 2026 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Ekuiti Dinasti aims to provide long-term capital appreciation by investing in Shariah-compliant investments with exposure to the Greater China region.

Takafulink Dana Ekuiti Dinasti bertujuan untuk menyediakan peningkatan modal jangka panjang dengan melabur di dalam pelaburan patuh Syariah yang mempunyai pendedahan di rantau Greater China.

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset


	% NAV
1 Eastspring Investments Dinasti Equity Fund	100.30
2 Cash, Deposits & Others	-0.30

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring AI-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/04/2010
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM617,825,948.57
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.50% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM2.34737

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Ekuiti Dinasti Vs. Dow Jones Islamic Market Greater China Index



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	3.74%	7.15%	10.15%	11.44%	18.43%	-26.35%	134.74%
Benchmark / Penanda Aras	1.18%	4.17%	5.28%	11.18%	25.93%	-14.43%	195.56%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	2.56%	2.98%	4.87%	0.26%	-7.50%	-11.92%	-60.82%

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

All information as at 28 February 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 28 Februari 2026 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Market Review

Greater China's markets February performance was led by Taiwan's exceptional outperformance which was driven by a convergence of multiple positive factors: upgraded growth forecasts, the US-Taiwan trade deal, record foreign investment, and sustained global AI chip demand. Mainland China markets posted modest gains despite economic headwinds, while Hong Kong-listed Chinese stocks faced pressure from concerns about domestic consumption and geopolitical tensions. China's February PMIs point to cyclical stabilisation after the Lunar New Year, led by construction and supply-side normalisation, while underlying demand—especially consumption and exports—remains uneven. Manufacturing PMI rebounded back into expansion territory in February to 50.2 (January: 49.1) after a contractionary January, reflecting a post-Lunar New Year normalization. Non-manufacturing PMI rose modestly to 50.4 (January: 50.2), driven primarily by a sharp improvement in construction activity. Consumption during the 2026 Lunar New Year holiday (February 15-23) showed some signs of improving consumer sentiment but underlying indicators revealed more cautious consumer behavior and persistent deflationary pressures. The offshore yuan reached its strongest level since April 2023 in mid-February. On February 27, the People's Bank of China moved decisively to slow the yuan's rapid appreciation by cutting the foreign exchange risk reserve requirement ratio on forward forex sales from 20% to zero (previously implemented on September 28, 2022), effective March 2. The ratio is one of the PBOC's macroprudential tools for managing the FX market and signals intention to slow the pace of appreciation and anchor market expectations. Markets will pay attention to China's Two Sessions meeting in March. Economists surveyed by Bloomberg expected officials to set a 2026 growth target of 4.5% to 5%, down from around 5% in recent years. China's leadership stressed the need for a proactive macroeconomic stance ahead of the annual "two sessions" political meetings. The Politburo, chaired by President Xi Jinping, highlighted the need to expand domestic demand and strengthen new growth drivers. The end of the month was dominated by escalating geopolitical tensions in the Middle East. US and Israeli strikes against Iran occurred on February 28, killing the country's leader, Ayatollah Ali Khamenei. The strikes threatened to severely disrupt global oil supply, with Iran's Revolutionary Guards warning that the Strait of Hormuz was "basically closed". Major shipping groups suspended navigation through the Gulf, and OPEC+ considered larger supply increases in response. On the trade front, the US Supreme Court struck down President Trump's sweeping emergency tariffs in late February, eliminating his ability to quickly raise tariffs and removing a key point of leverage over China ahead of his planned March 31-April 2 visit to Beijing. Replacing IEEPA tariffs with a 10% Section 122 tariff after the SCOTUS ruling has reduced the effective US tariff on China by about 10%. Over in Taiwan, Taiwan statistics bureau dramatically upgraded its 2026 GDP growth forecast to 7.71% from 3.54% on February 13, citing optimism about sustained AI demand and the recently signed US-Taiwan trade deal. The technology and semiconductor sector led market gains throughout February with TAIEX far outperforming all other indices, driven by AI-related semiconductor demand and massive foreign inflows. The Dow Jones Greater China Islamic Market Index rose 2.51% in USD terms in January. Shanghai Shenzhen 300 rose 1.42% in USD terms whilst the MSCI China fell 5.77% and the Hong Kong's Hang Seng index fell 2.91%. Meanwhile, the Taiwan's stock market continued its strong momentum rising 11.26% in the month, charting another new record high. During the month, Fund returned 3.74% outperforming the benchmark by 256 bps in the month. Major contributors included overweight holdings in Taiwanese technology stocks which benefitted from strong performance of AI theme in the month.

Fund Review & Strategy

The Fund remains constructive on China going into 2026. From an equity allocation perspective, China equity remains under-owned at domestically and by foreigners. A structural upturn in net profit margins, return on equity and return on investment if confirmed, would be a new and different rationale for raising allocation both onshore and offshore. Fundamentally, revisions breadth for MSCI China has risen since May 2025, marking the strongest revisions since 2020, despite intense competition among quick commerce platforms being a drag to index EPS. China's 15th Five-Year Plan (2026-2030) marks a strategic pivot toward high-quality, innovation-driven growth rather than sheer expansion. Policy emphasis centers on modernizing traditional industries, fostering emerging sectors like AI, quantum technology, green energy, and advanced manufacturing, and achieving greater technological self-reliance amid global supply-chain uncertainties. The plan also prioritizes domestic consumption rebalancing, improved social welfare, and industrial resilience, while maintaining a strong focus on sustainability and carbon peak goals before 2030. China enters 2026 with its economy growing modestly but facing structural challenges: a lingering property downturn, softer domestic spending, and global uncertainties. Policymakers are expected to navigate these headwinds with incremental stimulus and reforms aimed at stabilizing the housing market, boosting consumer sentiment, and encouraging private investment. Despite the macroeconomic concerns, institutional and household equity allocations are expected to rise further in 2026, especially if property stabilizes. On the trade front, the US Supreme Court struck down President Trump's sweeping emergency tariffs in late February, eliminating his ability to quickly raise tariffs and removing a key point of leverage over China ahead of his planned March 31-April 2 visit to Beijing. Replacing IEEPA tariffs with a 10% Section 122 tariff after the SCOTUS ruling has reduced the effective US tariff on China by about 10% which should provide a boost to China's exports. Risks include heightened geopolitical tensions. Markets are closely monitoring the upcoming high-level meeting between the US and China, which could influence policy direction and investor sentiment in the months ahead. Following the one-year truce reached between US and China on 10 Nov 2025 aside, further tit-for-tat may arise, particularly ahead of the Nov 2026 US mid-term elections. Fund remains positive on AI thematic as strong global AI infrastructure capex growth has already lifted global AI ecosystem and localization plays in China. Fund also continues to favour the innovative drug space in China where Chinese drug innovators would benefit from possible further lowering of interest rates, increasing innovative product launches, and globalisation efforts. This is supplemented by holdings in names in the ESS supply chain and high-end manufacturing (automation & robotics).

Tinjauan Bulanan

Prestasi Greater China pada bulan Februari diterajui oleh prestasi luar biasa Taiwan, yang dipacu oleh penumpukan pelbagai faktor positif: ramalan pertumbuhan yang dinaik taraf, perjanjian perdagangan AS-Taiwan, pelaburan asing tertinggi, dan permintaan cip AI global yang berterusan. Pasaran Tanah Besar China mencatatkan keuntungan sederhana meskipun berdepan tantangan ekonomi, manakala stok China yang disenaraikan di Hong Kong menerima tekanan daripada kebimbangan mengenai penggunaan domestik dan ketegangan geopolitik. PMI Februari China menunjukkan penstabilan kitaran selepas Tahun Baru Cina, yang dipimpin oleh normalisasi pembinaan dan penawaran, manakala permintaan asas — terutamanya penggunaan dan eksport — masih belum sekata. PMI Pembuatan kembali memasuki wilayah pengembangan pada bulan Februari kepada 50.2 (Januari: 49.1) selepas mengalami penguncupan di bulan Januari, mencerminkan normalisasi selepas sambutan Tahun Baru Cina. PMI Bukan Pembuatan meningkat sedikit kepada 50.4 (Januari: 50.2), didorong terutamanya oleh peningkatan mendadak aktiviti pembinaan. Penggunaan semasa cuti Tahun Baru Cina 2026 (15-23 Februari) menunjukkan beberapa tanda sentimen pengguna yang semakin baik tetapi petunjuk asas menunjukkan tingkah laku pengguna yang lebih berhati-hati dan tekanan deflasi yang berterusan. Yuan luar pesisir mencapai paras terkuatnya sejak April 2023 pada pertengahan Februari. Pada 27 Februari, People's Bank of China bertindak tegas untuk memperlahankan kenaikan pesat yuan dengan mengurangkan nisbah keperluan rizab risiko pertukaran asing ke atas jualan hadapan forex daripada 20% kepada sifar (sebelum ini dilaksanakan pada 28 September 2022), berkuat kuasa mulai 2 Mac. Nisbah ini merupakan salah satu alat kehematan makro PBOC untuk mengurus pasaran FX di samping menunjukkan hasrat untuk memperlahankan kadar peningkatan sekali gus menambat jangkaan pasaran. Pasaran akan memberi perhatian kepada mesyuarat Dua Sesi China pada bulan Mac. Bloomberg yang mengkaji selidik ahli ekonomi, menjangkakan bahawa secara rasminya sasaran pertumbuhan 2026 akan ditetapkan sebanyak 4.5% hingga 5%, turun daripada sekitar 5% dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Kepimpinan China menekankan keperluan kepada pendirian makroekonomi proaktif menjelang mesyuarat politik "dua sesi" tahunan. Politburo, yang dipengerusikan oleh Presiden Xi Jinping, menekankan keperluan untuk mengembangkan permintaan domestik dan mengukuhkan pemacu pertumbuhan baharu. Akhir bulan ini didominasi oleh berita ketegangan geopolitik yang semakin terik di Timur Tengah. Serangan AS dan Israel terhadap Iran yang berlaku pada 28 Februari, mengorbankan pemimpin negara itu, Ayatollah Ali Khamenei. Serangan itu mengancam untuk mengganggu gugat bekalan minyak global, manakala Pengawal Revolusi Iran memberi amaran bahawa Selat Hormuz "pada dasarnya ditutup". Kumpulan perkapalan utama menggantung haluan melalui teluk tersebut, manakala OPEC+ mempertimbangkan pertambahan bekalan yang lebih besar sebagai tindak balas. Dari segi perdagangan, Mahkamah Agung AS telah membatalkan tarif kecemasan meluas Presiden Trump pada akhir Februari, lalu meniadakan keupayaannya untuk menaikkan tarif dengan tergesa-gesa dan menghapuskan

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

All information as at 28 February 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 28 Februari 2026 melainkan jika dinyatakan

titik pengaruh utama ke atas China menjelang lawatannya ke Beijing yang dirancang pada 31 Mac-2 April. Tarif IEEPA digantikan dengan tarif 10% Seksyen 122 selepas keputusan SCOTUS mengurangkan keberkesanan tarif AS kira-kira 10% ke atas China. Di Taiwan, biro statistik Taiwan telah serta merta menaik taraf ramalan pertumbuhan KDNK 2026 kepada 7.71% daripada 3.54% pada 13 Februari, dengan memetik keyakinan tentang permintaan AI yang berterusan dan perjanjian perdagangan AS-Taiwan yang baru dimeterai. Sektor teknologi dan semikonduktor menerajui keuntungan pasaran di sepanjang Februari dengan TAIEIX jauh mengatasi semua indeks lain, didorong oleh permintaan semikonduktor berkaitan AI dan aliran masuk asing yang besar. Indeks Dow Jones Greater China Islamic Market meningkat 2.51% dalam terma USD pada Januari. Shanghai Shenzhen 300 naik 1.42% dari segi USD manakala MSCI China jatuh 5.77% dan indeks Hang Seng Hong Kong susut 2.91%. Sementara itu, pasaran stok Taiwan meneruskan momentum kukuhnya yang meningkat 11.26% pada bulan ini, mencatatkan satu lagi rekod tertinggi baharu. Pada bulan tinjauan, Dana menjana pulangan 3.74%, mengatasi penanda aras sebanyak 256 mata asas. Penyumbang utama termasuk pegangan berlebihan dalam stok teknologi Taiwan yang mendapat manfaat daripada prestasi kukuh tema AI pada bulan tersebut.

Tinjauan dan Strategi Dana

Dana kekal berpandangan konstruktif terhadap China menjelang 2026. Dari perspektif peruntukan ekuiti, ekuiti China masih kurang dimiliki sama ada di dalam negara mahupun warga asing. Peningkatan struktur dalam margin keuntungan bersih, pulangan atas ekuiti dan pulangan atas pelaburan jika disahkan, akan menjadi rasional baharu dan berbeza untuk meningkatkan peruntukan di dalam dan luar pesisir. Pada asasnya, keluasan semakan MSCI China telah meningkat sejak Mei 2025, menandakan semakan terkuat sejak 2020, walaupun persaingan sengit dalam kalangan platform perdagangan pantas menjadi penghalang untuk mengindeks EPS. Rancangan Lima Tahun ke-15 China (2026–2030) menandakan pivot strategik ke arah pertumbuhan berkualiti tinggi yang didorong oleh inovasi dan bukannya pengembangan semata-mata. Penekanan dasar tertumpu pada pemodenan industri tradisional, memupuk sektor baru muncul seperti AI, teknologi kuantum, tenaga hijau dan pembuatan canggih, di samping mencapai kemandirian teknologi yang lebih gah di tengah-tengah ketidakpastian rantaian bekalan global. Rancangan ini juga mengutamakan pengimbangan semula penggunaan domestik, peningkatan kebajikan sosial dan daya tahan perindustrian, sambil mengekalkan tumpuan yang kukuh terhadap kemampunan dan matlamat puncak karbon sebelum 2030. China memasuki tahun 2026 dengan ekonominya berkembang secara sederhana tetapi menghadapi cabaran struktur: kemerosotan hartanah yang berlarutan, perbelanjaan domestik yang lebih perlahan dan ketidakpastian global. Penggubal dasar dijangka akan mengharungi cabaran ini dengan rangsangan dan pembaharuan tambahan yang bertujuan untuk menstabilkan pasaran perumahan, membugarkan sentimen pengguna dan menggalakkan pelaburan swasta. Meskipun terdapat kebimbangan makroekonomi, namun peruntukan ekuiti institusi dan isi rumah dijangka akan semakin meningkat pada tahun 2026, terutamanya jika hartanah menjadi stabil. Dari segi perdagangan, Mahkamah Agung AS telah membatalkan tarif kecemasan meluas Presiden Trump pada akhir Februari, lalu meniadakan keupayaannya untuk menaikkan tarif dengan tergesa-gesa dan menghapuskan titik pengaruh utama ke atas China menjelang lawatannya ke Beijing yang dirancang pada 31 Mac-2 April. Tarif IEEPA digantikan dengan tarif 10% Seksyen 122 selepas keputusan SCOTUS mengurangkan keberkesanan tarif AS kira-kira 10% ke atas China. Risiko mencakupi ketegangan geopolitik yang memuncak. Pasaran sedang memantau rapat mesyuarat peringkat tinggi antara AS dan China tidak lama lagi, yang boleh mempengaruhi hala tuju dasar dan sentimen pelabur dalam beberapa bulan mendatang. Selain daripada gencatan perang perdagangan selama setahun yang dicapai antara AS dan China pada 10 Nov 2025, pertelingkahan selanjutnya mungkin timbul, terutama sekali menjelang pilihan raya pertengahan penggal AS pada Nov 2026. Dana kekal positif ke atas tema AI kerana pertumbuhan capex infrastruktur AI global yang kukuh telah memperkasakan ekosistem AI global dan langkah penyempatan di China. Dana juga terus memihak kepada ruang ubat inovatif di China memandangkan inovator ubat Cina akan mendapat manfaat daripada kemungkinan penurunan kadar faedah seterusnya, peningkatan pelancaran produk inovatif dan usaha globalisasi. Pegangan dalam saham rantaian bekalan ESS dan pembuatan mewah (automasi & robotik) menguatkan sokongan.

Source / Sumber: Fund Commentary, February 2026, Eastspring AI-Wara' Investments Berhad

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL